



21 NOV, 2024

## Sindiket lempar dadah melepasi tembok sempadan

Berita Harian, Malaysia



Ismail (tengah) menunjukkan sebahagian rampasan ganja, rokok seludup dan minuman keras pada sidang media di Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia Perlis, Kangar, semalam. (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

# Sindiket lempar dadah melepasi tembok sempadan

Taktik terbongkar selepas Kastam temui 30 ketulan ganja di Pintu Tiga, Bukit Batu Putih

Oleh Aizat Sharif dan Alias Abd Rani  
bhnews@bh.com.my

**Kangar:** Anggota sindiket menggunakan taktik lempar bungkusan dadah melepasi tembok sempadan Malaysia-Thailand dekat Kuala Perlis di sini, untuk menyeludup bahan larangan terabit ke negara ini.

Taktik itu dikenal pasti selepas Jabatan Kastam Diraja Malaysia menemui 30 ketulan mampat disyaki ganja bernilai RM93,000 yang ditinggalkan di kawasan tembok sempadan berkenaan di Bukit Batu Putih, Kuala Perlis pada 12 November lalu.

Pengarah Kastam Negeri Perlis, Ismail Hashim, berkata kejadian berlaku sekitar jam

8.30 malam apabila sepasukan anggota Kastam dari Cawangan Penguatkuasaan/Marin Kuala Perlis menerima maklumat mengenai kegiatan penyeludupan dekat tembok sempadan Malaysia-Thailand di Pintu Tiga, Bukit Batu Putih, Kuala Perlis.

Katanya, serbuan dilakukan di kawasan itu menemui dua bungkusan guni berwarna putih berisi dadah disyaki ganja ditinggalkan berhampiran pagar sempadan dalam keadaan mencurigakan.

“Kita percaya dadah dilempar ke negara ini melepasi tembok sempadan Malaysia-Thailand oleh sindiket penyeludupan di negara jiran.

“Lokasi penemuan itu sekitar satu kilometer dari Pos Kawalan polis dari Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Utara.

“Memandangkan kita mendapat maklumat ganja itu pada waktu malam serta membabitkan kawasan sensitif dan berbahaya, bagi mengelak kejadian tidak diingini boleh membahayakan anggota, kita tidak menunggu lama, sebaliknya mengambil masa sekitar 10 minit di kawasan itu sebelum merampas dadah dijumpai itu,”

katanya di sini semalam.

Pemeriksaan mendapati ada 30 ketulan mampat disyaki dadah jenis ganja dianggarkan 30.145 kilogram (kg) bernilai RM93,000.

### Tiga lelaki ditahan

Sementara itu, di Muar, tiga lelaki bersama ganja seberat 11.5kg dan sepucuk pistol yang diseludup dari negara jiran, ditahan dalam serbuan polis terhadap sebuah kenderaan di Jalan Muafakat, Kampung Temiang Bukit Treh dekat sini.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz, berkata kejayaan serbuan itu hasil risikan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Polis Muar.

Suspek berusia antara 32 hingga 40 tahun itu ditahan pada jam 10.30 malam Sabtu lalu, membawa kepada penemuan ganja dalam kenderaan dalam bentuk ketulan mampat ganja dibalut kertas berwarna keemasan.

Katanya, sepucuk pistol bertulis ‘Glock’ turut dirampas bersama 15 butir peluru bersaiz 9 millimeter (mm) dalam serbuan itu.



21 NOV, 2024

# Sindiket lempar dadah melepasi tembok sempadan

Berita Harian, Malaysia



## SUMMARIES

Taktik terbongkar selepas Kastam temui 30 ketulan ganja di Pintu Tiga, Bukit Batu Putih

Kangar: Anggota sindiket menggunakan taktik lempar bungkusan dadah melepasi tembok sempadan Malaysia-Thailand dekat Kuala Perlis di sini, untuk menyeludup bahan larangan terbabit ke negara ini. Taktik itu dikenal pasti selepas Jabatan Kastam Diraja Malaysia menemui 30 ketulan mampat disyaki ganja bernilai RM93,000 yang ditinggalkan di kawasan tembok sempadan berkenaan di Bukit Batu Putih, Kuala Perlis pada 12 November lalu.